

## **Bab 1**

### **Pengenalan**

#### **Pendahuluan**

Bab ini membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, kerangka konseptual kajian, definisi operasional dan penutup.

#### **Latar Belakang Kajian**

##### ***Perkembangan Bahasa Arab Dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia***

Pada akhir tahun 1970-an, pendidikan Islam mula mendapat tempat dalam sistem pendidikan Negara. Menurut Hassan Basri dan Muhammad Azhar (2004), Keadaan ini muncul kerana ledakan dakwah dan kesedaran masyarakat ketika itu. Mereka berkeyakinan bahawa usaha untuk meningkatkan status pendidikan Islam dan bahasa Arab adalah satu keperluan dalam sistem pendidikan Negara. Bertolak dari perubahan tersebut, maka bahasa Arab diperkenalkan dalam sistem pendidikan Negara dan kewujudannya selari dengan kewujudan mata pelajaran pendidikan Islam.

Menurut Amani Dahaman (2009), pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam sistem pendidikan di Malaysia diklasifikasikan dalam tiga kategori yang merujuk kepada bentuk kurikulum bahasa Arab iaitu:

1. Kurikulum Bahasa Arab : merupakan mata pelajaran yang melibatkan bahasa Arab itu sendiri, bagaimana pelajar berinteraksi, membina perkataan dan ayat

seterusnya menggunakan bahasa Arab dalam kehidupan seharian. Kurikulum Bahasa Arab ditawarkan di sekolah-sekolah di bawah KPM samada sekolah rendah dan menengah.

2. Kurikulum Pengajian Bahasa Arab : Dalam konteks pengajian bahasa Arab, pelajar-pelajar didedahkan kepada ilmu bahasa Arab secara khusus. Ia melibatkan ilmu-ilmu yang terdapat di dalam pengajian bahasa Arab seperti Ilmu Qawa'id, Ilmu Balaghah, Ilmu 'Arud, Ilmu Nussus dan sebagainya. Kurikulum Pengajian Bahasa Arab melibatkan Institut Pengajian Tinggi yang menawarkan kursus bahasa Arab dalam Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah.
3. Kurikulum Pendidikan Bahasa Arab : Dalam konteks kurikulum Pendidikan Bahasa Arab pula, konsepnya memfokuskan kepada ilmu dan kemahiran mengajar bahasa Arab. Pelajar didedahkan kepada teori-teori, kemahiran, kaedah dan ilmu khusus untuk mengajar bahasa Arab. Kurikulum ini digubal untuk bakal guru bahasa Arab di IPG dan universiti-universiti di Malaysia.

Abdul Rahman Abdullah (2009) merumuskan, institusi pendidikan yang menawarkan mata pelajaran bahasa Arab boleh diklasifikasikan kepada lapan jenis berdasarkan sistem pentadbirannya iaitu:

1. Sekolah Menengah di bawah KPM yang menawarkan bahasa Arab seperti Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) mulai 1977, Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP), Kolej Islam Sultan Alam Syah (KISAS) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) yang menawarkan kelas aliran agama (KAA) mulai 1988. Dalam peringkat sekolah menengah di bawah KPM menawarkan Bahasa Arab Komunikasi dan Bahasa Arab Tinggi.

2. Program j-QAF yang melibatkan sekolah rendah di bawah KPM. Ia melibatkan model Pemulihan Jawi, model Tasmik & Khatam Al-Quran, model Peluasan Bahasa Arab dan model Bestari Solat yang sedang dilaksanakan di sekolah-sekolah rendah sejak tahun 2005 secara berperingkat-peringkat hingga tahun 2011 (Ghazali Darussalam, 2007). Model Peluasan Bahasa Arab merujuk kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab Komunikasi.
3. Pentadbiran kerajaan negeri melalui jabatan agama Islam atau majlis agama Islam yang menawarkan bahasa Arab di sekolah agama negeri (SMAN).
4. Badan di bawah pentadbiran negeri seperti pejabat zakat dan majlis agama yang menawarkan bahasa Arab di sekolah rakyat dengan bantuan daripada pejabat atau yayasan tersebut seperti di negeri Kelantan, Kedah dan beberapa buah negeri di Malaysia.
5. Sekolah agama rakyat yang dibangunkan oleh masyarakat setempat dan dikendalikan oleh Lembaga Pengurusan Sekolah (LPS) di peringkat rendah dan menengah.
6. Sekolah agama yang dikendalikan oleh pihak swasta di peringkat rendah dan menengah.
7. Institusi pengajian tinggi sama ada kolej atau universiti yang diberi kuasa autonomi oleh kementerian pelajaran untuk menawarkan kursus bahasa Arab sama ada di peringkat menengah atau tinggi.
8. Selain daripada institusi yang disebutkan di atas, menurut Hassan Basri dan Muhammad Azhar (2004), terdapat beberapa institusi lain yang menawarkan kursus bahasa Arab secara formal atau tidak formal. Antaranya Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang menganjurkan mata pelajaran bahasa Arab di maktab rendah sains MARA (MRSM), badan-badan kebajikan dan persatuan yang menganjurkan kursus bahasa Arab seperti Persatuan Bahasa Arab

Malaysia, Unit Pengajian Awam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan taman-taman asuhan yang menawarkan mata pelajaran bahasa Arab di peringkat prasekolah.

### **Perkembangan Pendidikan Bahasa Arab di IPG**

Kemajuan negara berkait rapat dengan usaha pendidikan menjana modal insan semasa berada dalam alam persekolahan. Guru berijazah yang dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran menjadi harapan negara dalam memikul tanggungjawab mendidik pelajar sekolah. Malaysia masih belum mencapai seratus peratus guru-guru berkelulusan ijazah (Asariah Mior Shahrudin, Choong Kam Foong, Lee Wai Heng, Lam Kah Kei & Choong Lean Keow, 2011). Sebelum ini, usaha melatih guru berijazah diberi tanggungjawab kepada universiti-universiti tempatan dalam kursus Diploma Pendidikan dan maktab-maktab perguruan dalam Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) (Lam Kah Kei, Mohd Kamal Mohd Ali, Seman Salleh & Mohamed Kasim Basir, 2007).

Pada 1980-an, terdapat masalah kekurangan guru yang berijazah di sekolah menengah, Maktab Perguruan mengambil peranan untuk melatih guru siswazah untuk sekolah menengah pada tahun 1983 melalui program Sijil Perguruan Lepas Ijazah (SPLI) (Lam Kah Kei et.al, 2007). Program ini disediakan untuk siswazah yang memegang biasiswa KPM. Sebelum itu, Maktab Perguruan hanya melatih guru-guru Kursus Diploma yang kebanyakannya berkhidmat di sekolah rendah. Pada tahun 1988, program SPLI diganti dengan Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI). Bermula tahun 2001, Bahagian Pendidikan Guru (BPG) mengambil alih semua kursus Diploma Pendidikan yang dikendalikan oleh universiti-universiti tempatan (Bahagian Pendidikan

Guru, 2009).

Perkembangan latihan guru pra perkhidmatan untuk guru siswazah mendapat fokus baru apabila KPM mewujudkan dasar sekurang-kurangnya 50% guru sekolah rendah berijazah menjelang 2010 (Ghazali Darulsalam, Shahrudin Shaari, Mihat Dollah, Lau Hieng Soon & Choong Lean Keow, 2007). Selari dengan hasrat tersebut, Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (JPP) ke-163 pada 21 Februari 2002 bersetuju program KPLI sekolah rendah diperkenalkan untuk melatih guru siswazah mengajar di sekolah rendah (Bahagian Pendidikan Guru KPM, 2002). Perkembangan program tersebut menjadi asas ke arah penukaran nama Maktab Perguruan kepada IPG (IPG). Kursus-kursus yang ditawarkan melibatkan mata pelajaran yang diajar di sekolah rendah, termasuk mata pelajaran Bahasa Arab.

Menurut Mohd Nasrudin Basar, Ghazali Darulsalam, Mohamed Kasim Basir, Zainuddin Abd Hamid & Badrul Hisham Alang Osman (2007), perkembangan pendidikan yang berkaitan dengan Bahasa Arab sekolah rendah berlaku dengan pelaksanaan projek j-QAF yang dirasmikan oleh Menteri Pelajaran pada 24 April 2004, Pelaksanaan projek j-QAF seiring dengan hasrat Mantan Perdana Menteri Malaysia ke-5, Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi agar Bahasa Arab dipelajari oleh semua pelajar Islam bermula dari peringkat sekolah rendah. Pendekatan Komunikatif diutarakan dalam pengajaran bahasa Arab sekolah rendah yang melibatkan empat kemahiran asas bahasa iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis (Yusoff Yaacob & Mohd Razimi, 2011).

Sehubungan dengan program j-QAF, IPG diberi peranan melatih guru-guru j-QAF melalui Program Kursus Dalam Cuti (KDC). Guru-guru j-QAF ditempatkan di sekolah-sekolah sebagai guru pelatih. Dalam masa cuti, mereka perlu menghadirkan diri di IPG untuk mengikuti Kursus Dalam Cuti (KDC). Mata pelajaran yang terlibat adalah Pendidikan Islam, Pendidikan Al-Quran dan Pendidikan Bahasa Arab (Mohd Nasrudin

Basar et.al, 2007). Program ini telah mewujudkan perkembangan baru dalam kurikulum bahasa Arab di Malaysia.

Lanjutan kepada keperluan guru Bahasa Arab ditempatkan di sekolah rendah, IPG menawarkan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) kepada pelajar-pelajar lepasan SPM. Maka, Kurikulum Bahasa Arab digubal khusus untuk program tersebut , yang melibatkan kemahiran, kaedah pengajaran dan ilmu pendidikan khusus dalam melatih guru yang berkemampuan dan berkelulusan khusus untuk mengajar Bahasa Arab (Abd Aziz Mahayudin, 2008).

Berdasarkan kepada Kurikulum mata pelajaran Bahasa Arab PISMP di IPG, terdapat pengintegrasian dalam pengajaran dan pembelajaran dengan teknologi pendidikan. Setiap pelajar diwajibkan mengambil mata pelajaran teknologi maklumat. Selain itu, dalam mata pelajaran Bahasa Arab terdapat pengitegrasian teknologi pendidikan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab (Amani Dahaman, 2009). Oleh itu, wajar kajian ini memfokuskan tentang pembangunan modul M-pembelajaran bahasa Arab (M~Mu'allim) kerana keperluan suatu strategi yang dapat menjadi alternatif dalam pembelajaran dalam kurikulum Bahasa Arab itu sendiri telah dimasukkan pengintegrasian teknologi dalam pendidikan Bahasa Arab.

### **Penyataan Masalah Kajian**

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010, KPM menyasarkan usaha yang berterusan bagi meningkatkan pembangunan kurikulum Bahasa Arab di IPG yang menjurus kepada pengeluaran guru-guru Bahasa Arab berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (KPM, 2006). Ini dapat dilihat daripada pengisytiharan naik taraf

Maktab Perguruan kepada IPG yang melibatkan sebuah kampus induk dan 27 buah kampus cawangan di setiap negeri di Malaysia. Pengisytiharan ini memberikan satu perubahan besar kepada institusi keguruan dengan bermulanya Program Pensiswazahan Guru yang dijalankan di IPG seperti Program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah (PGSR) dan pengiktirafan ijazah Sarjana Muda kepada guru sekolah rendah melalui Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dan B.Ed TESL (Asariah Mior Shahrudin et.al, 2011) .

Secara amnya, terdapat pelbagai permasalahan dalam pembelajaran Bahasa Arab di IPG. Permasalahan yang pertama dapat dilihat daripada aspek modul bahasa Arab di IPG. Modul bahasa Arab di IPG menjurus kepada modul pengajaran dalam bilik kuliah, dan tidak memfokuskan kepada modul pembelajaran. Berdasarkan kepada Prosedur Reka Bentuk Kurikulum IPG, bentuk kurikulum Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP), majoriti jam kredit melibatkan pembelajaran di luar bilik darjah seperti tutorial, '*independent self learning*'(ISL), amali, Bina Insan Guru (BIG), Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS), Praktikum dan Penulisan Kajian Tindakan (KPM, 2008).

Pembahagian jam kredit bagi Pendidikan Bahasa Arab melibatkan kuliah, tutorial, amali dan *independent self learning* (ISL). Pembelajaran di dalam bilik kuliah hanya melibatkan 17%, manakala majoriti pembelajaran dijalankan di luar bilik kuliah, melibatkan 83% yang merangkumi tutorial, amali dan *independent self learning* (Bahagian Pendidikan Guru, 2008). Ini menunjukkan keperluan yang tinggi dalam pembangunan modul pembelajaran bahasa Arab di IPG. Jadual 1.0 menunjukkan jumlah jam kredit dan peratusan mengikut pemberatan bagi Pendidikan Bahasa Arab di IPG.

## Jadual 1.1

### *Pembahagian Jam Kredit Pendidikan Bahasa Arab di IPG*

<b>Jenis</b>	<b>Jam Seminggu</b>	<b>Jam Semester</b>	<b>%</b>
Kuliah	1 jam	15 jam	17%
Tutorial	1 jam	15 jam	17%
Amali	2 jam	30 jam	33%
Independent Self Learning (ISL)	2 jam	30 jam	33%
<b>Jumlah</b>	<b>6 jam</b>	<b>90 jam</b>	<b>100%</b>

*Sumber.* Adaptasi dari Bahagian Pendidikan Guru (2008), *Buku Panduan PISMP Pendidikan Bahasa Arab*,( hlm 14).

Permasalahan yang seterusnya menjurus kepada pembelajaran luar bilik kuliah. Berdasarkan kepada komponen-komponen dalam kurikulum PISMP, salah satu bentuk pembelajaran yang difokuskan adalah *independent self learning* (ISL) atau dikenali sebagai pembelajaran sendiri yang melibatkan pembelajaran luar bilik kuliah. Pembelajaran sendiri adalah satu proses pembelajaran berasaskan pelajar, mereka mengaktifkan dan mengekalkan aspek kognitif, kelakuan dan afektif secara sistematik (Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Parilah M.Shah, 2011). Ia bukan hanya sekadar keupayaan mental pelajar tetapi merupakan satu proses arahan sendiri yang memandu keupayaan mental, menunjukkan inisiatif sendiri, ketekalan, konsep autonomi dan tanggungjawab pelajar terhadap pembelajaran mereka sendiri (Kok Boon Shiong, Baharuddin Aris & Zaidatun Tasir, 2009).

Kajian pembelajaran sendiri dalam pembelajaran bahasa Arab dijalankan terhadap beberapa komponen pembelajaran sendiri seperti aspek kemahiran lisan, sikap pelajar, motivasi dan kebimbangan ujian (Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Parilah M.Shah, 2010). Kajian Al-Alwan (2008) menunjukkan pelajar berprestasi tinggi mencatatkan tahap yang lebih tinggi dan signifikan berbanding pelajar berprestasi rendah dalam semua komponen pembelajaran sendiri. Malahan, kurikulum yang



disusun dengan memfokuskan kepada peningkatan pembelajaran sendiri dapat menghasilkan pencapaian pelajar berprestasi tinggi (Zimmerman & Martinez-Pons, 2004). Bail, Zhang dan Tachiyama (2008) merumuskan hasil kajian mereka bahawa pelajar yang diberi pendedahan mengenai strategi pembelajaran sendiri pada kursus persediaan ijazah menunjukkan peningkatan pencapaian yang signifikan berbanding yang tidak mengikuti kursus tersebut. Maka, pembangunan modul pembelajaran bahasa Arab perlu berkonsepkan pembelajaran sendiri di luar bilik kuliah.

Selain itu, kajian-kajian lalu mendapati wujud isu pengintegrasian teknologi dalam pembelajaran bahasa. Pengintegrasian teknologi dalam mata pelajaran bahasa Arab menjadikan suasana pembelajaran lebih menarik dan membantu pelajar supaya lebih kreatif, bersifat komprehensif dan global serta pembelajaran menjadi lebih fleksibel (Rahimi Md Saad, Zawawi Ismail & Wan Nordin Wan Abdullah, 2005). Dalam menilai peranan pembelajaran berasaskan teknologi, Norlidah Alias (2010) melihat potensi teknologi telah merubah sistem pembelajaran. Menurut Zakaria Kasa dan Mohd Majid Konting (2007), teknologi terkini dapat membantu pensyarah dan pelajar dari segi strategi pengajaran dan pembelajaran, malahan penggunaan bahan bantu mengajar disesuaikan mengikut kecanggihan teknologi. Aida Suraya dan rakan-rakan (2006) menjelaskan bahawa penggunaan peralatan dan perisian teknologi akan menjadi berkesan sekiranya pensyarah dan pelajar mahir menggunakannya dan mempunyai sikap yang positif dalam penggunaannya. Kajian yang dijalankan oleh Zakaria dan rakan-rakan (2005) mendapati pelajar bersedia dan berkemampuan untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran teknologi *webcast* seperti *Yahoo Messenger/Skype, HiMeeting, Video-on-Demand*, laman *web/blog, E-mail, Chatting* dan sebagainya. Aspek pengintegrasian teknologi dapat dimasukkan dalam modul pembelajaran bahasa Arab di IPG.

Perkembangan teknologi dalam pembelajaran mencapai era m-pembelajaran yang melibatkan teknologi mudah alih, telah mengubah corak pembelajaran yang tidak m-pembelajaran tertumpu dalam bilik kuliah tetapi pembelajaran boleh berlaku di mana-mana dan pada bila-bila masa (Ahmad Sobri Shuib, 2009). Oleh itu, menuntut satu modul pembelajaran yang melibatkan pengintegrasian teknologi mudah alih dalam pembelajaran pelajar. Kajian-kajian lalu telah menunjukkan m-pembelajaran sangat efektif dalam pengajaran dan pembelajaran. Mariam dan John (2009) mendapati m-pembelajaran telah meningkatkan kemahiran pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. M-pembelajaran juga berkesan untuk pembelajaran di luar bilik darjah (Ahmad Sobri Shuib, 2009).

Pembelajaran bahasa Arab di IPG yang berkonsepkan integrasi teknologi mudah alih yang dikenali sebagai m-pembelajaran perlu dirintiskan kajiannya kerana bentuk pembelajaran dan kemudahan ICT di IPG menuntut pengintegrasian tersebut. Berdasarkan Laporan IPG Tahun 2009, kemudahan yang menyokong infrastruktur ICT di IPG seperti Laman Web IPG, Jaringan Kampus (*wireless*), Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS) dan Akses Internet & Intranet (KPM, 2010). Menurut Asariah Mior Saharuddin dan rakan-rakan (2009), Kurikulum PISMP memenuhi keperluan guru bagi generasi akan datang khususnya pendedahan dan pengaplikasian kemahiran teknologi terkini. Selain kemudahan ICT di IPG, mata pelajaran teknologi maklumat merupakan mata pelajaran teras dalam kurikulum di IPG. Para pelajar dapat mempelajari teknologi secara teori dan praktikal, secara terus dalam pembelajaran seharian mereka.

Kajian yang dijalankan oleh Abdul Hadi Mat Dawi, Norlia Mat Esa & Ridza Ahmad Nizam Abd Raof (2011) mendapati penerimaan dan kesediaan pensyarah dan pelajar di IPG dalam penggunaan inovasi pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan teknologi maklumat (ICT), kajian ini menjurus kepada sistem *My-Class Online*.

Malahan pengaplikasian e-pembelajaran difokuskan dalam sistem pendidikan di IPG secara berperingkat yang akan melibatkan 27 cawangan IPG, diaplikasikan melalui laman web IPG masing-masing (Asariah Mior Shaharuddin et.al, 2009). Selari dengan perkembangan pesat teknologi dalam sistem pendidikan, kini era teknologi pendidikan dunia telah berkembang ke arah teknologi mudah alih yang dikenali sebagai m-pembelajaran (Ahmad Sobri Shuib, 2009), maka modul m-pembelajaran di IPG amat bertepatan dibuat kajian dan pembangunan reka bentuknya.

Resolusi Seminar Pendidikan Islam & Bahasa Arab IPG, mencadangkan agar diwujudkan satu strategi yang dapat mengintegrasikan bahan pembelajaran, sumber rujukan, interaksi pelajar dan pensyarah bagi kesemua kursus yang melibatkan pendidikan Islam dan bahasa Arab agar berlaku perkongsian ilmu dan kemahiran antara pelajar (Bahagian Pendidikan Guru, 2010). Pengintegrasian pembelajaran bahasa Arab telah berjaya dilaksanakan di institut pengajian tinggi di Syria melalui Modul *Arabic Self Learning* yang melibatkan pelajar pelbagai kursus dan latar belakang pendidikan (Nimat Hafez, 2005).

Terdapat pelbagai kajian dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia yang telah dijalankan melibatkan 'guna teknologi' dalam pendidikan, antaranya ; penggunaan internet (Abd Rauf Dato Hassan Azhari & Wan Norainawati Wan Hamzah, 2002), Pengajaran dan pembelajaran berasaskan Web (Rahimi Md Saad, Zawawi Ismail & Wan Nordin Wan Abdullah, 2005), Penggunaan ICT di kalangan guru bahasa Arab (Rofishah Hj Rashid, 2005), Pembelajaran Kelas Maya (Promadi Ajam, 2006), Teknologi dalam Pengajaran (Mohd Feham Md Ghalib, 2008), Aplikasi Multimedia berasaskan Web (Janudin Sardi, 2009), Pembangunan Kamus Elektronik Bahasa Arab (Siti Noormaya Bilmas, 2009) dan Penambahbaikan Laman Sesawang untuk pengajaran bahasa Arab (Mokhtar Hussain & Mohd Shukeri Hj Hamzah, 2010).

Kajian-kajian bahasa Arab di Malaysia belum melibatkan kajian pembangunan modul yang digabungkan dengan teknologi mudah alih atau m-pembelajaran. Lantaran itu, kajian ini merupakan kajian rintis bagi kajian pembelajaran bahasa Arab yang melibatkan m-pembelajaran dan pembangunan bahan pembelajaran untuk teknologi mudah alih yang dijalankan berdasarkan kaedah penyelidikan reka bentuk dan pembangunan.

### **Objektif Kajian**

Secara umumnya kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti keperluan modul m-pembelajaran bagi modul pembelajaran Bahasa Arab, mereka bentuk dan membangunkan Modul m-pembelajaran Bahasa Arab dan seterusnya menilai kepenggunaan Modul m-pembelajaran Bahasa Arab (M~Mu'allim) di IPG.

Objektif fasa pertama kajian ini adalah untuk mengenal pasti keperluan modul m-pembelajaran bagi modul pembelajaran Bahasa Arab di IPG. Satu kajian analisis keperluan melalui kaedah soal selidik dijalankan terhadap pelajar dan pensyarah yang terlibat dengan bahasa Arab di IPG.

Objektif fasa kedua kajian ini adalah untuk mereka bentuk dan membangunkan Modul m-pembelajaran Bahasa Arab di IPG. Kajian yang dijalankan menggunakan teknik Delphi dalam reka bentuk modul tersebut.

Objektif fasa ketiga kajian ini adalah untuk menilai kepenggunaan Modul m-pembelajaran Bahasa Arab di IPG dari retrospeksi pengguna. Penilaian kepenggunaan berasaskan kepada Model Penilaian Kepenggunaan TUP (Bednarik, 2002).

## Persoalan Kajian

Kajian ini menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan pembangunan Modul m-pembelajaran Bahasa Arab (M~Mu'allim) di IPG. Soalan kajian dibahagikan kepada tiga fasa :

### Fasa 1 : Analisis Keperluan

1. Apakah keperluan modul m-pembelajaran untuk modul pembelajaran Bahasa Arab di IPG?
  - Apakah perkakasan teknologi mudah alih yang sesuai dalam modul pembelajaran Bahasa Arab di IPG?
  - Apakah perisian teknologi yang sesuai dalam modul pembelajaran Bahasa Arab di IPG?
  - Apakah kemahiran teknologi mudah alih yang digunakan oleh pelajar di IPG?
  - Apakah kemahiran teknologi mudah alih yang digunakan oleh pensyarah di IPG?
  - Apakah aktiviti-aktiviti pembelajaran yang sesuai digunakan dalam modul pembelajaran Bahasa Arab di IPG?
  - Mengapakah m-pembelajaran perlu dilaksanakan di IPG?

## Fasa 2 : Reka Bentuk dan Pembangunan Modul M~Mu'allim .

2. Bagaimanakah reka bentuk Modul m-pembelajaran Bahasa Arab (M~Mu'allim) di IPG?

- Apakah objektif pembelajaran modul M~Mu'allim?
- Apakah isi kandungan dalam modul M~Mu'allim?
- Apakah strategi pembelajaran yang sesuai dalam modul M~Mu'allim ?
- Apakah jenis perkakasan teknologi mudah alih dalam modul M~Mu'allim?
- Apakah bahan media yang sesuai dalam pembelajaran modul M~Mu'allim?

## Fasa 3 : Penilaian Kepenggunaan Modul m-pembelajaran Bahasa Arab (M~Mu'allim) .

3. Apakah penilaian kepenggunaan Modul m-pembelajaran Bahasa Arab (M~Mu'allim) di IPG?

- Apakah retrospeksi pelajar terhadap kepenggunaan modul M~Mu'allim?
- Apakah retrospeksi pensyarah terhadap kepenggunaan modul M~Mu'allim?
- Apakah retrospeksi pengguna daripada aspek teknologi mudah alih?
- Apakah retrospeksi pengguna daripada aspek kepenggunaan web modul Mu'allim?
- Apakah retrospeksi pengguna daripada aspek pembelajaran?

## **Kepentingan Kajian**

Kajian reka bentuk Modul m-pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Arab di IPG (M~Mu'allim) akan memberi input-input yang dapat mencorakkan kedinamikan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab yang lebih menyeluruh dan mantap. Oleh itu, dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan kepada KPM, IPG, universiti-universiti dan sekolah-sekolah.

Kajian ini dapat memberi bukti empirikal mengenai reka bentuk modul m-pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Arab di IPG (M~Mu'allim). Data dari reka bentuk modul yang dibentuk melalui kesepakatan pakar berpotensi memberi input kepada penggubal kurikulum dan polisi pendidikan di Malaysia khususnya di KPM untuk mempertimbangkan pengajaran m-pembelajaran dalam sistem pendidikan masa kini. Kajian ini akan menyediakan platform pembelajaran era teknologi mudah alih dengan pembangunan bahan pembelajaran yang seiring dengan teknologi kini.

Pihak institusi latihan keguruan sama ada di universiti-universiti atau di IPG yang melatih bakal-bakal guru dapat mengenal pasti sejauh manakah keberkesanan pengisian metodologi pengajaran dan pembelajaran dan kemahiran teknologi maklumat dalam profesion keguruan. Pengintegrasian teknologi terkini harus diselitkan dalam pengajaran teknologi pendidikan seperti peralihan dari e-pembelajaran kepada m-pembelajaran.

Modul M~Mu'allim dalam kajian ini membolehkan pengajaran dan pembelajaran berlaku tanpa terhad dengan lokasi dan masa. Perkembangan teknologi mudah alih pada masa kini menjadikan proses pembelajaran tidak terhad dalam tembok fizikal bilik kuliah tetapi bergerak keluar ke persekitaran pembelajaran pelajar dan bentuk pembelajaran menjadi lebih bersituasi, personal, bekerjasama dan sepanjang

hayat. Malah kajian ini menyediakan proses pembelajaran melalui reka bentuk modul m-pembelajaran dapat diperluaskan bukan sahaja dalam mata pelajaran Bahasa Arab tetapi mata pelajaran yang lain.

Reka bentuk Modul M~Mu'allim dalam kajian ini dapat menyediakan pengalaman pembelajaran baru yang berbeza dengan pengalaman pembelajaran tradisional. Ini kerana Modul m-Pembelajaran bersifat dinamik, kolaboratif, beroperasi masa sebenar, personal dan komprehensif dalam proses pembelajaran. Di samping itu kemajuan dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi dapat membantu pelajar menguasai kemahiran-kemahiran yang kompleks dan moden.

Kajian ini amat signifikan kerana dapat menghasilkan satu reka bentuk modul m-pembelajaran yang mampu menyediakan satu bentuk integrasi pembelajaran di mana sahaja pada masa yang terhad dengan teknologi mudah alih. Ini selaras dengan hasrat pengintegrasian teknologi terkini dalam pendidikan yang mempunyai matlamat untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab.

### **Batasan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk membangun dan menilai kepenggunaan Modul m-pembelajaran Bahasa Arab (M~Mu'allim) di IPG. Justeru, kajian yang dijalankan berbentuk penyelidikan reka bentuk dan pembangunan.

Kajian ini hanya memfokuskan kepada mata pelajaran pendidikan Bahasa Arab di IPG, melibatkan pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Semester 2 yang mengambil mata pelajaran bahasa Arab. Kajian ini tidak melibatkan subjek



Bahasa Arab tetapi melibatkan subjek metodologi pendidikan bahasa Arab. Kursus Kaedah Pengajaran Kemahiran Bahasa Arab yang ditawarkan untuk Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di IPG dipilih sebagai isi kandungan kurikulum dalam modul ini.

Sampel kajian ini terhad kepada pihak yang terlibat dengan mata pelajaran Bahasa Arab PISMP sahaja iaitu pelajar-pelajar PISMP yang mengambil mata pelajaran Bahasa Arab dan pensyarah-pensyarah Bahasa Arab di beberapa IPG di Malaysia. Manakala responden bagi penilaian kepenggunaan prototaip modul pembelajaran bahasa Arab berasaskan m-pembelajaran melibatkan pelajar-pelajar Semester 2 PISMP dan pensyarah Bahasa Arab di IPG Kampus Perlis kerana penilaian kepenggunaan kajian ini dijalankan ke atas cawangan kampus yang mempunyai pelajar-pelajar Semester 2 PISMP di zon utara Malaysia, mempunyai kemudahan sistem jaringan kampus bersifat *wireless* yang luas, stabil dan menyeluruh. IPG Kampus Perlis juga dipilih kerana mempunyai sekolah dalam institut (SDI) untuk tujuan pembelajaran amali.

Pelaksanaan kajian menggunakan kemudahan sistem jaringan kampus (*wireless*) yang sedia ada di IPG. Sistem yang sedia ada merupakan sistem jaringan yang dibekalkan oleh KPM kepada semua IPG. Sementara itu bagi perkhidmatan interaksi dalam bentuk laman web pula menggunakan sistem pengurusan pembelajaran *aTutor* (LMS) untuk kajian ini. Kajian ini hanya menggunakan tiga peralatan teknologi mudah alih yang digunakan oleh pelajar-pelajar di IPG iaitu komputer riba, 'net-book' dan komputer tablet.

## **Kerangka Konseptual**

Kajian ini mengandung dua bahagian utama: (a) Pembinaan Kerangka Teori Kajian, (b) Kajian pembangunan modul m-pembelajaran bahasa Arab (M~Mu'allim) di IPG yang melibatkan tiga fasa.

Pada bahagian pertama, kajian ini dijalankan dengan membuat tinjauan literatur terhadap teori-teori yang menyokong konstruk-konstruk dalam kajian. Pembinaan kerangka teori kajian ini menggabungkan dua teori dan empat model yang menyokong kajian ini. Ia melibatkan Teori Konstruktivisme bagi pembelajaran, Teori Interaksional dalam Teori Pemerolehan Bahasa bagi pembelajaran bahasa Arab, Model *Instructional System Design* (ISD) bagi M-pembelajaran, Model Pembinaan Modul Sidek (2001) bagi Reka Bentuk dan Pembangunan Modul Pembelajaran, dan Model Penilaian Kepenggunaan TUP (2002) bagi Penilaian Kepenggunaan Modul.

Dalam kerangka konseptual kajian dinyatakan secara ringkas teori-teori dan model-model yang membentuk kerangka teori :

1. Teori Konstruktivisme : Teori ini telah dipelopori oleh ahli psikologi, Lev Vygotsky (Chen, 2005; Slavin, 2006; Woolfolk,2007). Konsep utama yang dipilih dalam teori ini adalah pembelajaran aktif, persekitaran zon '*zone of proximal development*' (ZPD) dan '*scaffolding*' (Bimbingan pensyarah).
2. Teori Interaksional dalam Teori Pemerolehan Bahasa : Teori Interaksional merupakan salah satu daripada tiga teori dalam Teori Pemerolehan Bahasa. Pakar-pakar interaksional seperti Schlesinger, Cromer, Halliday menjelaskan bahawa perkembangan bahasa harus melibatkan proses kognitif dan interaksi bahasa (dalam Sidek Ab.Aziz, 2007). Dalam teori Interaksional, proses

pemerolehan bahasa melibatkan proses mental dan interaksi sesama pelajar. Ia membawa konsep bahawa perkembangan kognitif melengkapkan seseorang dengan kebolehan mentafsir makna dan interaksi bahasa pula dapat mendedahkan kepada cara-cara untuk menggambarkan makna kognitif dalam bentuk bahasa yang tepat. Proses pembelajaran bahasa melibatkan interaksi bahasa tersebut dalam pelbagai aktiviti dan objektif (Muhammad Hafiz Bakar, 2009).


3. Model *Instructional System Design* (ISD) : Berdasarkan kepada ADDIE dan ASSURE, model dalam rekabentuk pengajaran Tsai, Young dan Liang (2005) telah membina satu model baru untuk pembinaan model "*Instructional System Design*" (ISD) khusus bagi M-pembelajaran (Ahmad Sobri, 2009). Model ini mengandungi enam langkah iaitu: (1) Analisis keperluan pelajar dan situasi mobile; (2) Intergrasi pengajaran dan pembelajaran berasaskan teknologi mudah alih; (3) Reka bentuk strategi M-pembelajaran; (4) Reka bentuk dan pembangunan isi kandungan bahan M-pembelajaran; (5) Melaksanakan aktiviti pembelajaran; dan (6) Menilai kesan M-pembelajaran.
4. Model Pembinaan Modul Sidek (2001) : Model ini menggunakan pendekatan sistem yang melibatkan komponen pelajar, tenaga pengajar, bahan pengajaran & pembelajaran dan persekitaran pembelajaran. Komponen-komponen tersebut berinteraksi antara satu sama lain untuk mencapai objektif pembelajaran yang berkesan. Ia melibatkan sembilan langkah yang saling berkaitan.
5. Model Penilaian Kepenggunaan TUP (2002) : Model ini merupakan satu model penilaian kepenggunaan yang digunakan untuk menilai kepenggunaan produk atau bahan atau modul yang diintegrasikan dengan teknologi mudah alih. Model ini berasaskan kepada instrumen senarai semak yang dibina bersesuaian dengan aspek teknologi, kepenggunaan dan pembelajaran. Ia dapat dikendalikan secara

kendiri oleh pengguna atau pensyarah yang tidak memerlukan penilaian pakar. Model ini digunakan untuk merancang fasa penilaian dalam kajian.

Setelah dibentuk kerangka teori, kajian ini dijalankan dalam tiga fasa : Fasa 1 (Analisis Keperluan), Fasa 2 (Reka Bentuk dan Pembangunan Modul) dan Fasa 3 (Penilaian Kepenggunaan Modul). Fasa pertama menjalankan kajian analisis keperluan M-pembelajaran dalam pembelajaran modul bahasa Arab di IPG melalui kaedah soal selidik. Hasil fasa pertama ini digunakan dalam fasa kedua, reka bentuk modul M-pembelajaran bahasa Arab (M~Mu'allim) melalui Teknik Delphi dua pusingan, kemudian dibangunkan modul berasaskan kepada Model Pembinaan Modul Sidek (2001). Seterusnya fasa tiga melibatkan penilaian kepenggunaan modul M~Mu'allim berasaskan Model Penilaian Kepenggunaan TUP.

Kerangka konseptual kajian ini menggabungkan kerangka teori dan proses kajian mengikut fasa. Kerangka kajian ini menunjukkan modul M~Mu'allim dibangunkan dengan kerangka teori yang menyokong kajian dan proses pelaksanaan kajian yang melibatkan tiga fasa : Fasa Analisis, Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan dan Fasa Penilaian. Rajah 1.1 menunjukkan Kerangka Konseptual Kajian bagi Pembangunan Modul M~Mu'allim di IPG.

Pembangunan Modul M-Pembelajaran Bahasa Arab di IPG



Rajah 1. 1 : Kerangka Konseptual Kajian Pembangunan Modul M-Pembelajaran Bahasa Arab (M~Mu'allim) di IPG

## Definisi Operasional

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini yang perlu dijelaskan definisi mengikut konteks penggunaannya dalam kajian ini.

### 1. Pembangunan Modul Pembelajaran

Menurut Chin Hai Leng (2009) pembangunan bermaksud menghasilkan dan mereka cipta modul pengajaran, isi kandungan bahan pembelajaran dibangunkan meliputi bahan pembelajaran, latihan, bank soalan dan teknik menjawab soalan. Manakala Modul pula merupakan satu panduan berkonsepkan modul yang mewakili satu set pakej pengajaran dan pembelajaran yang lengkap meliputi satu tajuk atau pelajaran (Norlidah Alias, 2010). Pembangunan Modul Pembelajaran dalam kajian ini bermaksud reka bentuk modul yang berasaskan M-pembelajaran yang difokuskan bagi mata pelajaran Bahasa Arab di IPG dan pembangunan prototaip modul. Modul tersebut merangkumi :

- a) Pembinaan Rancangan Pembelajaran Tutorial dan Independence Self Learning (ISL) berpandukan sukatan dan pro forma subjek.
- b) Penyusunan bahan kandungan pelajaran bagi subjek Kaedah Pengajaran Kemahiran Bahasa Arab BAE3102.
- c) Pembangunan laman web yang berkonsepkan sistem pengurusan pembelajaran (LMS) yang beroperasi dalam bentuk m-pembelajaran.
- d) Pembinaan Tatacara penggunaan Laman Web tersebut.

## 2. Bahasa Arab

Bahasa Arab merupakan di antara bahasa utama dunia dan bahasa rasmi di 24 buah negara Arab serta dituturi oleh hampir 300 juta penutur jati iaitu lebih kurang 4 peratus daripada penduduk dunia (Abdul Rahman Abdullah, 2009). Bahasa Arab dalam kajian ini adalah mata pelajaran Pendidikan Bahasa Arab bagi pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di IPG. Ia memfokuskan kepada kaedah pengajaran Bahasa Arab bukan ilmu Bahasa Arab kerana IPG melahirkan graduan yang akan menjadi guru berijazah perguruan Bahasa Arab di sekolah rendah. Kursus Kaedah Pengajaran Kemahiran Bahasa Arab yang ditawarkan untuk Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di IPG dipilih sebagai isi kandungan kurikulum dalam modul ini.

## 3. M-pembelajaran

M-pembelajaran adalah merujuk kepada satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang dikenali sebagai pembelajaran melalui peralatan mudah alih seperti Komputer riba, *Palms*, PDA dan telefon bimbit (Saedah, 2005). Malah, terdapat juga pengkaji yang mendefinisikan m-pembelajaran sebagai satu konsep baru dalam proses pembelajaran yang menekankan kepada keupayaan untuk memudah alihkan proses pembelajaran tanpa terikat kepada lokasi fizikal proses pembelajaran berlaku (Kukulska-Hulme & Traxler, 2005). M-pembelajaran dalam kajian ini adalah satu bentuk pembelajaran yang menggunakan teknologi mudah alih atau di tempat di mana infrastrukturnya membolehkan penggunaan teknologi tanpa-wayar serta memfokuskan kepada penghantaran kandungan pembelajaran melalui peralatan elektronik mudah alih terpilih. Manakala

perkakasan dalam m-pembelajaran dalam kajian ini melibatkan perkakasan teknologi komputer mudah alih.

#### 4. IPG

IPG yang dulunya dikenali sebagai Maktab Perguruan. Jemaah Menteri telah meluluskan 27 Maktab Perguruan dinaik taraf kepada IPG yang boleh menganugerahkan ijazah Sarjana Muda Perguruan dan B.Ed. pada 13 Julai 2005. Ia merupakan sebuah institusi pengajian tinggi yang melatih bakal-bakal guru sekolah rendah dan menengah. Di Malaysia, semua IPG ini dikelolakan oleh KPM dan mempunyai IPG induknya sendiri pada tahun 2010. IPG dalam kajian ini melibatkan IPG di zon utara semenanjung Malaysia.



## **Penutup**

Bab pengenalan ini merupakan bab penjelasan awal kepada kajian pengkaji. Perbincangan bab pengenalan merangkumi pernyataan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, kerangka konseptual kajian, definisi operasional dan penutup. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti keperluan m-pembelajaran bagi pembelajaran Bahasa Arab, mereka bentuk Modul m-Pembelajaran Bahasa Arab (M~Mu'allim), membangunkan modul M~Mu'allim dan menilai kepenggunaan Modul M~Mu'allim.